

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
BUKIT MERTA JAM, PULAU PINANG
MAJLIS PERASMIAN PROJEK 1001 GELANGGANG RAKYAT DI KAWASAN
PARLIMEN PERMATANG PAUH
07 APRIL 1996

1. Bagi pihak Yayasan Badminton Malaysia (YBM) saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada hadirin sekalian, terutamanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia kerana sudi merasmikan projek 1001 Gelanggang Rakyat di Permatang Pauh pada hari ini.

2. YBM memulakan Projek 1001 Gelanggang Rakyat ini dengan tujuan semata-mata untuk menyediakan kepada rakyat, terutamanya di luar bandar, kemudahan-kemudahan yang sesuai untuk bermain badminton. Badminton telah dan masih lagi merupakan satu-satunya sukan di mana Malaysia boleh mencipta nama di peringkat antarabangsa. Ini jelas terbukti apabila negara kita keluar sebagai johan peringkat zon Asia setelah mengalahkan China 3-2 dalam Pusingan Kelayakan Pertandingan Piala Thomas di Auckland pada bulan Februari lalu. Dengan kemenangan ini, negara kita berjaya diletakkan sebagai pilihan kedua dalam Pusingan Akhir Piala Thomas di Hong Kong pada bulan Mei ini.

3. Di samping kejayaan itu, pemain-pemain kita yang terdiri daripada Rashid Sidek dan pasangan Cheah Sook Kit/Yap Kim Hock, masing-masing, telah mampu ke peringkat akhir dalam acara perseorangan lelaki dan bergu lelaki di Kejohanan Seluruh England di Birmingham pada bulan Mac lalu. Ini merupakan kali pertama dalam masa 20 tahun di mana pemain-pemain perseorangan dan bergu kita telah berjaya ke peringkat akhir Kejohanan Seluruh England. Ucapan tahniah kepada pasukan dan pemain-pemain kita.

4. Pada mulanya, YBM hanya bercadang untuk membina 1001 gelanggang di luar laman di seluruh negara. Tetapi setelah satu kajian dijalankan, jelaslah bahawa terdapat banyak gelanggang di luar laman di negara ini. Apa yang diperlukan ialah gelanggang-gelanggang tertutup di mana klinik-klinik kejurulatihan boleh dianjurkan bagi melatih pemain-pemain yang berbakat. Pertandingan peringkat bawahan juga diperlukan untuk mengenalpasti dan memajukan pemain-pemain yang berpotensi.

5. Bagi mencapai hasrat ini, YBM memerlukan kerjasama daripada semua pihak dan syukur Alhamdulillah, YBM telahpun mendapat sambutan dan kerjasama yang mengalakkan.

- a) YBM telah menerima sambutan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang akan memasuki gelanggang rakyat dalam projek Desa Wawasan mereka di mana 500 kampung yang terpilih akan menerima gelanggang badminton di luar laman.

- b) Sumbangan yang terbesar sekali adalah datang dari Kementerian Belia dan Sukan. Projek ini telah menerima sambutan yang begitu besar sekali apabila Kementerian Belia dan Sukan mengumumkan kerjasama serta komitmennya terhadap projek ini. Kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tan Sri Haji Muhyiddin di atas sumbangan Kementeriannya sebanyak RM3.24 juta selama 2 tahun akan datang terhadap projek ini. Ianya telah memberangsangkan YBM untuk melipatgandakan usahanya ke arah mencapai matlamatnya.
- c) YBM pula membuat keputusan untuk bekerjasama dengan semua Ahli Yang Berhormat, terutamanya dari Barisan Nasional. Surat telahpun dihantar kepada semua Ahli Parlimen dan satu sesi dialog juga diadakan dengan mereka untuk membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk melaksanakan projek ini. Ahli-ahli Parlimen bersetuju membina sekurang-kurangnya satu gelanggang nuklear tertutup di setiap kawasan mereka.
- d) Dengan adanya rangkaian dewan-dewan gelanggang pusat/nuklear dan jaringan gelanggang-gelanggang terbuka di sekitar kawasan dan kampung seluruh negara, bakat dan potensi pemain remaja boleh dicungkil, ditingkatkan dan diuji supaya lebih banyak juara-juara badminton dapat dilahirkan di negara kita.

7. Bagaimanakah bakat-bakat ini akan dipilih? Adalah diharapkan setiap Ahli Dewan Rakyat akan menubuhkan pasukan badminton mereka dalam kawasan sendiri. Pemain-pemain akan dilatih di gelanggang-gelanggang nuklear dan bermain di gelanggang-gelanggang luar laman. Secara ini gelanggang-gelanggang luar dan dalam akan sentiasa digunakan.

8. Pertandingan mengikut peringkat umur akan diatur antara kawasan-kawasan Parlimen hinggalah ke peringkat kebangsaan untuk merebut sebuah Piala Pusingan. Hadiah-hadiah wang yang lumayan akan diberi dan pasukan yang menjadi juara akan diberi peluang melawat ke luar negara untuk lawatan sambil berlatih.

9. Fikirkanlah, projek ini akan memberi peluang kepada semua remaja di seluruh negara untuk dinilai potensi mereka sebagai pemain badminton dan akhirnya sebagai uara. Adalah juga menjadi harapan YBM bahawa projek ini akan membantu mengurangkan masalah 'bohsia' dan lepak antara muda-mudi.

10. Pembiayaan gelanggang nuklear yang tertutup akan dibiayai oleh Kementerian Belia dan Sukan, Ahli Dewan Rakyat dan YBM sementara alat-alat permainan akan dibekalkan oleh BAM untuk setiap gelanggang iaitu raket, bulu tangkis dan jaring.

11. Setelah menimbangkan ciri-ciri positif projek ini, saya menyeru kepada semua yang terlibat supaya berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamat kita. Seruan saya termasuklah kepada semua Kementerian, Kerajaan Negeri, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai Daerah, BAM, Persatuan Badminton Negeri,

ahli korporat dan yang penting sekali rakyat sendiri. Marilah kita berusaha bersama-sama meletakkan Malaysia sekali lagi sebagai juara dunia dalam sukan badminton.

12. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih YBM, kepada semua penaja kita, terutamanya MBf, yang telah menaja dewan di Kawasan Permatang Pauh ini, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah dan para pegawainya dan mereka yang telah membantu sedikit sebanyak dalam menjayakan majlis kita pada hari ini. Sekali lagi ucapan terima kasih saya kepada YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan semua yang hadir.